

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1998/99

Februari 1999

HSM 317/414 - Seminar Sejarah Sosio-Ekonomi Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja.

1. Sebelum Pendudukan Jepun terdapat dua fenomena yang jelas sekali mencorakkan pergerakan buruh di Tanah Melayu iaitu (a) kaum buruh Cina dan India tidak berjuang bersama untuk mengatasi masalah sosio-ekonomi mereka dan (b) kaum Melayu langsung tidak terlibat dalam pergerakan buruh. Mengapa?
2. Walaupun pencetusan mogok-mogok buruh Cina pada awal tahun 1937 adalah berpunca daripada kesan-kesan Kemelesetan Ekonomi Dunia tetapi corak perjuangannya menunjukkan ia adalah perancangan Parti Komunis Malaya. Setujukah anda dengan gambaran ini?
3. Bincangkan asas pencetusan mogok-mogok buruh India di daerah Kelang pada tahun 1941 dari segi soal sosio-ekonomi dan pucuk pimpinan.
4. Pergerakan buruh pada tahap 1945 sehingga 1948 membuktikan banyak perubahan yang berpunca daripada Pendudukan Jepun. Bincangkan.
5. Bagaimanakah pihak Kerajaan Kolonial berjaya membendung kegiatan kesatuan sekerja umum antara 1945 dan 1948?

...2/

6. Semasa Darurat (1948-1957) dasar kerajaan terhadap buruh adalah tertakluk kepada kepentingan pembendungan komunisme, perkembangan hubungan industri antara pengurusan dan perburuhan dan pembentukan kesatuan sekerja pada peringkat nasional. Bincangkan langkah-langkah yang telah diambil untuk mencapai objektif itu.
7. Apakah objektif-objektif utama yang mendasari perlaksanaan (a) Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan (b) Akta Hubungan Industri 1967.

-- oo000oo --